



2025



POLISI KETEKUNAN WAJAR

MAJLIS PERBANDARAN JASIN



**Keluaran 01
Tarikh kuatkuasa : 1 September 2025**

2025



ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	2
2. PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR	2
2.1 Lantikan Ahli Majlis	2
2.2 Lantikan Pengurusan Tertinggi	2
2.3 Lantikan Pegawai Integriti.....	2
2.4 Lantikan Pegawai / Kakitangan MPJ	3
2.4.1 Umum.....	3
2.5 Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat.....	4
2.6 Lantikan Pembekal / Kontraktor	5



1. PENGENALAN

Ketekunan wajar merupakan proses semakan latar belakang individu atau syarikat daripada pelbagai aspek terutamanya berkaitan rasuah sebelum sesuatu keputusan atau pemilihan dibuat. Pelaksanaan Ketekunan Wajar merupakan salah satu keperluan dinyatakan dalam Klausula 8.2 Standard ISO 37001:2025.

2. PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR

2.1 Lantikan Ahli Majlis

Proses lantikan Ahli Majlis adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Menteri Melaka. Pelaksanaan ketekunan wajar akan dilaksanakan oleh pihak berkenaan.

2.2 Lantikan Pengurusan Tertinggi

Proses lantikan Yang Dipertua dan Setiausaha adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Menteri Melaka. Pelaksanaan ketekunan wajar akan dilaksanakan oleh pihak berkenaan.

2.3 Lantikan Pegawai Integriti

Proses lantikan Pegawai Integriti di Unit Integriti adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Jasin. Kaedah pelaksanaan ketekunan wajar adalah melalui e-STK.



2.4 Lantikan Pegawai / Kakitangan MPJ

2.4.1 Umum

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011, “Tapisan Keselamatan” bermaksud proses memeriksa latar belakang pegawai oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia bagi memastikan pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam bebas dan bersih daripada anasir subversif, espionaj dan sabotaj. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia Pengurusan hendaklah memastikan Pegawai (gred 29 dan ke atas) mengemukakan permohonan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk tapisan keselamatan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh melaporkan diri bertugas.

Nota:

“Pegawai” merujuk kepada definisi yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011 iaitu:

“pegawai” bermaksud pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam dalam jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan yang menetapkan syarat kelayakan masuk minimum di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Diploma atau kelayakan yang setaraf dan mana-mana pegawai yang disyaratkan untuk menjalani tapisan keselamatan”.



2.5 Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia UP 3.1.1, Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat untuk tujuan pelaksanaan ketekunan wajar berkaitan syarat-syarat Pemangkuan / Kenaikan Pangkat, MPJ akan menyemak dan menilai maklumat-maklumat yang berkenaan seperti berikut:

- i. disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- iii. diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- iv. bebas dari hukuman tatatertib;
- v. telah mengisytiharkan harta;
- vi. lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- vii. bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- viii. syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Majlis.



2.6 Lantikan Pembekal / Kontraktor

Untuk memastikan pembekal dan kontraktor yang dilantik adalah benar-benar berwibawa dan bebas daripada elemen rasuah, semakan latar belakang syarikat dan pemilik syarikat seperti data pesalah rasuah melalui laman sesawang www.sprm.gov.my hendaklah dilaksanakan dan dilaporkan oleh Urusetia untuk pertimbangan Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Bekalan dan Perkhidmatan) dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Kerja).

Untuk tujuan semakan latar belakang ini, MPJ menetapkan nilai perolehan melalui Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan yang melebihi RM500,000.